



## SIARAN AKHBAR

**JERAYAWARA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2016  
SEKOLAH RENDAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
BRUNEI MUARA**

**4 SYAABAN 1437H BERSAMAAN DENGAN 11 MEI 2016M**

1. Bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE), Tabung Amanah Perkerja (TAP) dan agensi-agensi berkenaan telah mengadakan jerayawara yang kedua daripada empat yang telah dijadualkan di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada hari Rabu, 4hb Syaaban 1437H bersamaan dengan 11hb Mei 2016M.
2. Majlis Pelancaran Hari Menabung Kebangsaan 2016 telah diadakan awal bulan ini di mana kepentingan budaya menabung terutamanya di kalangan generasi muda telah ditekankan. Dengan tema "*Generasi Cilik Kewangan*" pada tahun ini, adalah diharapkan bahawa dengan peningkatan kesedaran mengenai kebebasan kewangan (*financial independence*), ianya boleh membawa kepada individu dan isi rumah yang lebih berwaspada dalam menangani isu-isu kewangan. Ini adalah selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran.
3. Penuntut-penuntut daripada sepuluh buah sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara telah dijemput ke jerayawara ini, di mana para penuntut telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan matawang, yang dianjurkan oleh AMBD, TAP, Bank Baiduri dan Junior Achievement
4. AMBD dengan kerjasama MOE dan TAP akan terus mengadakan jerayawara-jerayawara di Daerah Belait pada hari Isnin, 16 Mei 2016 dan Daerah Tutong pada hari Rabu, 18 Mei 2016.
5. Di samping itu, acara-acara lain yang dirancang bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016 adalah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan di *Jerudong Park Colonnade* pada hari Ahad 22 Mei 2016 bermula jam 3 petang hingga 9 malam, menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif bertemakan pengurusan kewangan secara berhemat; *Financial Planners's Day* yang dianjurkan oleh Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), sebuah institusi latihan di bawah AMBD pada hari Khamis, 26 Mei 2016; dan *Financial Planners' Showcase* pada hari Sabtu, 28 Mei 2016.
6. Untuk maklumat lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016, orang ramai bolehlah melayari laman web [www.ambd.gov.bn/nsd2016](http://www.ambd.gov.bn/nsd2016) atau menghubungi AMBD melalui emel [corpcomms@ambd.gov.bn](mailto:corpcomms@ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 4 Sya'ban 1437 / 11 Mei 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/2016/3